

e-BULETIN

JABATAN ALAM SEKITAR



BIL. 3 TAHUN 2021

JULAI - SEPTEMBER

E-ISSN 2710-5644

Tahniah

YBRS. ENCIK WAN ABDUL LATIFF

BIN WAN JAFFAR

atas perlantikan sebagai



KETUA PENGARAH

berkuatkuasa mulai 5 September 2021



"ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"



JABATAN ALAM SEKITAR

Kumpulan Editorial



PENASIHAT
Dr. Norhazni
Binti Mat Sari



KETUA EDITOR
Zuraini Binti
Ahmad Tajudin



**TIMBALAN
KETUA EDITOR**
Abu Bakar Bin
Tajuddin



EDITOR
Ir. Shazana Binti
Mohd Ibrahim



**PENOLONG
EDITOR**
Zainirul Ailis Binti
Hj. Mustafa



ISI KANDUNGAN

PRAKATA KETUA PENGARAH JAS

3

JULAI 2021

GERAK KERJA JAS SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 DAN PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)	5 - 6
PEMROSESAN IMAGE DRONE UNTUK OPERASI PEMANTAUAN DAN PERANCANGAN KURSUS DALAM TALIAN REKA GRAFIK MENGGUNAKAN APLIKASI AFFINITY PHOTO	9 - 10
MESYUARAT MAJLIS KUALITI ALAM SEKELILING KE-130	11
RANCANGAN MALAYSIA KE DUA BELAS (RMKE-12) OLEH BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	14 - 16
	18 - 19

PEMBANGUNAN

PENERBITAN LAPORAN KUALITI ALAM SEKELILING (EQR) DAN LAPORAN TAHUNAN (AR) 2020	36
--	----

OGOS 2021

PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI KALI KE-27 TAHUN 2021	21 - 22
CIRI YANG TERBARU DALAM MYGOVUC 2.0 ANTARAMUKA ICEWARP VIDEO CONFERENCE & SELF SERVICE RESET PASSWORD	23 - 24

OPERASI

PROGRAM LATIHAN HANDS-ON DAN BENGKEL SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN INDUSTRI HIJAU (SPPIH) JABATAN ALAM SEKITAR	4
---	---

SEPTEMBER 2021

MESYUARAT PENYELARASAN PENGUATKUASAAN KENDERAAN BERMOTOR BILANGAN 1 TAHUN 2021	25
AKTIVITI/PROGRAM UNIT RAS BAGI TEMPOH JULAI-SEPTEMBER 2021	27 - 32

BOOK REVIEW JABATAN ALAM SEKITAR	34 - 35
----------------------------------	---------

HEBAHAN KOLEKSI BUKU PERPUSTAKAAN EIMAS	37 - 38
---	---------

WORD SEARCH	41
-------------	----

PRAKATA

KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, JAS telah Berjaya menerbitkan eBuletin Bilangan 3/2021. Sekalung tahiah dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan eBuletin ini khususnya ahli sidang redaksi.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, negara kite telah hampir dua tahun mengharungi Pandemik Covid-19 yang telah mengubah cara kerja dan sistem penyampaian perkhidmatan JAS dengan mengadaptasikan norma kerja baharu.

Namun, JAS masih kekal komited dalam mengekalkan mutu dan kualiti perkhidmatan JAS serta terus menjalankan aktiviti penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dalam memastikan kualiti alam sekitar terpelihara.

Di kesempatan ini, selaras dengan Aspirasi Perkhidmatan Awam 2021 yang menekankan transformasi DNA Penjawat Awam, saya ingin menekankan peranan pegawai JAS dalam melaksanakan core business Jabatan ini iaitu pemantauan dan penguatkuasaan alam sekitar serta menyampaikan kempen kesedaran alam sekitar kepada orang awam. Prinsip kecepatan (speed), integriti dan profesionalisme dalam melaksanakan tugas perlu dihayati dan dipraktikkan bagi menghasilkan mutu dan kualiti kerja pada tahap yang optimum.

Harapan saya agar kita dapat bersama memacu JAS dengan lebih cemerlang disamping menerapkan nilai-nilai positif seperti mementingkan keberhasilan kerja, komitmen, kerja berpasukan, integriti dan amanah dalam tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kita.

Saya juga menyeru kita semua untuk tekadkan azam tahun 2022 bagi mencapai prestasi yang cemerlang untuk masa akan datang.

“Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”


WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar



PROGRAM LATIHAN *HANDS-ON* DAN BENGKEL SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN INDUSTRI HIJAU (SPPIH) JABATAN ALAM SEKITAR

Sistem Pengurusan dan Pemantauan Industri Hijau (SPPIH) adalah sistem aplikasi atas talian yang dibangunkan pada tahun 2020 oleh Seksyen Industri Hijau, Bahagian Penguatkuasa dan Bahagian Teknologi Maklumat. Sistem ini telah dilancarkan pada awal tahun 2021 oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar.

Sistem ini dibangunkan bagi tujuan memudahcara pelaksanaan dan pemantauan amalan Industri Hijau. Pengguna sistem adalah terdiri daripada tiga (3) pihak iaitu Pegawai JAS Ibu Pejabat, Pegawai JAS Negeri dan premis industri.



Perasmian Bengkel oleh Pengarah Bahagian Penguatkuasa, Tuan Haji Shafe'ee bin Yasin.

Program Latihan *Hands-on* dan Bengkel Sistem Pengurusan dan Pemantauan Industri Hijau (SPPIH) Jabatan Alam Sekitar telah dijalankan secara atas talian pada 22 Mac 2021 bertempat di Bilik Mesyuarat Teratai, Bahagian Penguatkuasa, Tingkat 4, Jabatan Alam Sekitar. Mesyuarat dihadiri oleh Pegawai JAS Ibu Pejabat, JAS Negeri dan Cawangan secara atas talian.

Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Penguatkuasa iaitu Tuan Haji Shafe'ee bin Yasin. Aktiviti program dimulakan dengan Taklimat Sistem SPPIH secara umum oleh Encik Abdul Aziz bin Chik, Penolong Pengarah Kanan Seksyen Industri Hijau. Aktiviti bengkel diteruskan dengan taklimat dan *hands-on* penggunaan sistem SPPIH yang disampaikan oleh Encik Suresh a/ Sundramurthy, Penolong Pegawai Kawalan Kanan dan Encik Khairi Ikhwan bin Ghazali, Penolong Pegawai Kawalan Seksyen Industri Hijau. Pegawai Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) turut hadir bagi memberi bantuan teknikal berkaitan sistem.



Taklimat Sistem SPPIH oleh Penolong Pengarah Kanan Seksyen Industri Hijau, Encik Abdul Aziz bin Chik

Program webinar ini berjaya dilaksanakan dan mendapat sambutan baik dari Pegawai JAS Negeri. Program ini akan diteruskan dengan penglibatan pihak industri pada masa akan datang.



GERAK KERJA JAS SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 DAN PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)

JAS merupakan agensi penguatkuasa yang bertanggungjawab mentadbir Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] dan Peraturan-Peraturan dibawahnya bagi mencegah dan mengawal pencemaran. Dalam masa yang sama, pegawai penguatkuasa JAS juga telah dilantik sebagai pegawai diberi kuasa dibawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] berkuatkuasa 11 Jun 2021 hingga 1 Ogos 2021 bagi melaksanakan bidang kuasa dan kewajipan di bawah Akta berkenaan. Sehubungan itu, bagi menjamin kesinambungan dan penyampaian perkhidmatan awam semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0, Garis Panduan Bertugas Bagi Jabatan Alam Sekitar (JAS) Dalam Tempoh Perintah Kawalan pergerakan (PKP) 3.0 telah dikeluarkan berkuatkuasa 16 Jun 2021 yang terpakai kepada semua yang bertugas di JAS Ibu Pejabat, EIMAS, jas Negeri dan JAS Cawangan.

Perkhidmatan kaunter pada awalnya ditutup dan JAS Ibu Pejabat, EIMAS serta negeri telah diminta untuk mempamerkan notis penutupan kaunter serta menyediakan kaunter khas penerimaan dokumen di lobi atau tempat bersesuaian. Namun, seiring dengan arahan Ketua Setiausaha Negara pada 29 Jun 2021 berkenaan Pengoperasian Perkhidmatan Kaunter Bagi Pejabat Kerajaan Dalam Fasa pertama Pelan Pemulihan Negara, kerajaan telah memutuskan bahawa kaunter perkhidmatan Kerajaan diseluruh Negara akan beroperasi secara fizikal mulai 1 Julai 2021.

Oleh itu JAS telah membuka kaunter bermula 8.30 pagi sehingga 4.30 petang dengan pematuhan terhadap SOP COVID-19 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pengendalian Mesyuarat semasa tempoh PKP 3.0 serta Pelan Pemulihan Negara Fasa 1 dan 2 juga telah beralih daripada perjumpaan secara fizikal kepada perjumpaan secara dalam talian dengan penyediaan peralatan mesyuarat oleh pihak Bahagian Teknologi Maklumat. Bukan itu sahaja, penganjuran kursus serta webinar oleh JAS juga adalah secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom atau Google.

Kelongsoran Bekerja Dari Rumah (BDR) pula adalah selaras dengan pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020 – Dasar Bekerja Dari Rumah yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021 yang mensyaratkan penggiliran BDR adalah berdasarkan faktor antaranya penjagaan anak berusia 12 tahun dan kebawah, penjagaan anak OKU, warga kerja dalam golongan risiko tinggi dan warga kerja yang berusia melebihi 55 tahun. Namun dalam hal ini, warga kerja sentiasa diingatkan bahawa pada bila-bila masa mereka yang BDR boleh dipanggil bertugas di pejabat sekiranya perlu. Pegawai yang BDR juga telah diarahkan untuk membuat **tetapan lencongan panggilan telefon** daripada nombor pejabat ke talian telefon mudah alih pegawai.

Ini bertujuan untuk memastikan urusan dan penyampaian perkhidmatan kerajaan tidak terjejas dan pegawai berupaya berkomunikasi dengan lancar.

Bagi memastikan **pelaporan keberadaan warga kerja di pejabat** pula, pematuhan SOP ke pejabat adalah diwajibkan dimana warga kerja JAS perlu mengimbas suhu badan (tidak melebihi 37 darjah Celsius) serta mengimbas MySejahtera masing-masing. Di samping itu, penggunaan Sistem DTA JAS sedia ada masih dikekalkan di mana semua warga kerja yang hadir ke pejabat perlu mengimbas kehadiran di peranti yang disediakan. Seterusnya pelaporan kehadiran yang dijana akan dikemuka kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar untuk makluman lanjut.

Namun, bagi menambahbaik **pelaporan kehadiran bagi pegawai yang BDR**, aplikasi SpotMe yang disediakan oleh MAMPU telah mula digunakan di JAS Ibu Pejabat bermula 1 Julai 2021. SpotMe membolehkan pegawai mendaftar masuk dan keluar pada lokasi mereka bertugas serta mencatatkan tugas yang dilaksanakan pada hari berkenaan. Melihat kepada kejayaan pelaksanaan SpotMe di Ibu pejabat, maka penggunaan SpotMe di negeri-negeri dijadualkan pada bulan Oktober 2021 kelak.

Bagi memastikan **keselamatan dan kesihatan warga kerja JAS**, peringatan kepada semua untuk mengemaskini aplikasi MySejahtera masing-masing dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, permohonan kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah dikemukakan untuk memohon keutamaan dalam urusan vaksinasi Pegawai Penguatkuasa JAS. Hasilnya seramai 1,433 orang pegawai telah mendapat vaksin Dos 1 manakala 1,412 orang pegawai telah mendapat vaksin Dos 2. Jumlah keseluruhan pegawai JAS yang telah divaksin adalah 98.62% dan jumlah ini akan meningkat, mengikut aturan vaksinasi yang ditetapkan oleh pihak KKM kelak.

Selain daripada itu, JAS Ibu Pejabat juga ada menyediakan peralatan sanitasi tangan semburan serta semburan disinfeksi untuk digunakan oleh setiap Bahagian. Peringatan untuk penjagaan SOP di pejabat, penjarakan sosial serta pemakaian pelitup muka juga dibuat dari semasa ke semasa kepada semua warga JAS menerusi emel. Dalam keadaan ketidakpastian kes positif Covid-19 yang semakin hari semakin meningkat, JAS tidak terkecuali dengan berlakunya kes-kes positif di Ibu Pejabat, EIMAS dan Negeri. Dalam perkara ini, hebahan maklumat yang berkaitan dengan Covid-19 yang meliputi maklumat vaksinasi, talian kaunseling, maklumat status kontak Covid-19 dan lain-lain dibuat daripada semasa ke semasa untuk meningkatkan kefahaman warga kerja JAS berkenaan perkara ini.

Meskipun kita semua berada dalam keadaan pandemik Covid-19 yang belum nampak redanya, namun gerak kerja perlu disusun atur untuk membolehkan tugas dijalankan dengan lancar, dalam norma baharu.



GREEN LIVING TIP YOU CAN APPLY AT HOME

PART 1 OF 7

People are drawn to a green-living lifestyle for a variety of reasons, whether it's sound environmental practices, cost-savings initiatives, or the opportunity to instill positive values in the younger generation. Fortunately, green living satisfies all of these areas simultaneously, while offering other benefits at the same time.

Because of the amount of time we spend in our homes, creating a green sensitive house is a way to make a serious impact. The following tip can help you make your home more eco-friendly so you can start living green today.

PURSUE ENERGY STAR OPTIONS

Replacing outdated appliances or electronics with Energy Star models is a cost-saving, green-living upgrade that doesn't require any change in lifestyle. The bigger the appliance, the larger the savings, but even replacing the home's outdated incandescent light bulbs with Energy Star LED bulbs can save RM30-80 over the lifetime of each light



GREEN TIPS SECRETARIAT
DEPARTMENT OF ENVIRONMENT



PERKARA YANG PERLU DAN JANGAN LAKUKAN TERHADAP E-WASTE



E-waste kini telah menjadi masalah di seluruh dunia. Semakin banyak peralatan elektrik dan elektronik yang dihasilkan, semakin banyak juga e-waste yang perlu dibuang / diuruskan. Berikut adalah perkara yang **PERLU** dan **JANGAN** lakukan terhadap e-waste:



PERLU



Hantar e-waste anda ke pusat pengumpulan yang berdaftar SAHAJA



Asingkan e-waste anda daripada sisa domestik



Fikir dahulu sebelum membeli peralatan elektrik tambahan yang baharu



JANGAN



Buang ke tapak pelupusan haram / kedai barangan lusuh.



Buang ke dalam tong sampah dan membakar sesuka hati



Melakukan aktiviti pelepasan sendiri

Apa yang perlu anda lakukan dengan e-waste anda?

Jom baca infografik di bawah untuk ketahui apa yang anda **PERLU** dan **JANGAN** lakukan terhadap buangan elektrik dan elektronik (e-waste) supaya pengurusan e-waste dapat dilakukan secara mesra alam.


Hantar e-waste anda ke pusat - pusat pengumpulan yang berdaftar dan layari laman sesawang <https://ewaste.doe.gov.my> atau muat turun aplikasi MyEwaste untuk maklumat lanjut.

PEMROSESAN IMEJ DRON UNTUK OPERASI PEMANTAUAN DAN PERANCANGAN

Tarikh : 13 Julai 2021
Medium : Dalam talian (Platform Zoom)




Seksyen Geospasial telah menganjurkan Webinar Geospasial Technology Update bagi memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai JAS berkenaan penggunaan serta pemprosesan Drone Image bagi tujuan operasi, pemantauan dan perancangan. En. Mohd Syafiq Bin Halib (Perunding Bebas Geospasial) telah dijemput selaku penceramah bagi program webinar tersebut.



Teknologi dron kini telah digunakan sebagai salah satu alat dalam pengawasan alam sekitar seperti pemantauan projek EIA, mengesan punca pencemaran dan juga melengkapkan sistem geospasial Jabatan (GIS). Imej aerial dron digunakan untuk menghasilkan data-data 2D, 3D model, Ortomosaic, elevation model dan sebagainya untuk tujuan analisis sistem GIS.



Objektif Program

- ❑ Mengetahui kelebihan perisian terbuka dan percuma yang bersesuaian;
- ❑ Mengetahui kaedah membuat analisa data;
- ❑ Mengetahui cara membuat photogrammetric, surface reconstruction, orthophoto, mesh, multi-view stereo texturing dan lain-lain; dan
- ❑ Menghasilkan model dan penggunaan dalam tugas.



Pengisian program

Penceramah juga memberikan latihan secara *hands-on* secara dalam talian tentang penggunaan *Open Drone Map* dan *output* yang diperolehi.



Kesimpulan

Peserta didedahkan dengan perisian baru yang boleh diperolehi secara percuma di dalam talian. Dengan pelbagai perisian ini, semua peserta dapat membuat analisa imej dron dengan lebih baik disamping perisian sedia ada yang dibekalkan oleh Jabatan.



KURSUS DALAM TALIAN REKA GRAFIK MENGGUNAKAN APLIKASI AFFINITY PHOTO

Tarikh Kursus : 26-27 Julai 2021 (Isnin)
Tempat : Dalam talian (Platform Google Meet)


Aplikasi Affinity Photo merupakan satu aplikasi reka grafik yang membolehkan pengguna merekabentuk *layout* seperti poster, *banner/ bunting* dengan lebih mudah dan cepat kerana *tools* dan *options* panel yang disediakan pada aplikasi lebih ringkas dan mesra pengguna. Aplikasi ini mula mendapat perhatian di kalangan pereka grafik dan pengguna amatur sebagai alternatif kepada perisian Adobe Photoshop dan Adobe Illustrator disebabkan kedua-dua perisian ini yang lebih kompleks dan kos perisian yang tinggi.

Objektif Kursus :

- Menguasai pengendalian asas Aplikasi Affinity Photo untuk menghasilkan reka grafik menggunakan *tools* yang betul;
- Menghasilkan reka grafik seperti poster promosi, brosur, *banner/ bunting* dengan lebih mudah dan menarik; dan
- Memilih *font*, warna dan komposisi *layout* yang sesuai bagi menghasilkan reka *layout* grafik yang menarik.




Sesi pembelajaran penghasilan poster



Sesi pembelajaran penghasilan poster

Penceramah jemputan dari Syarikat Sifoo.com telah memberikan latihan *hands-on* secara dalam talian yang merangkumi :-

- ✓ Pengenalan fungsi utama Aplikasi Affinity Photo
- ✓ Pengenalan *persona* dan *tools* asas
- ✓ Penguasaan *shortcut* untuk kerja lebih pantas
- ✓ Penguasaan *Panel Layers* dan *Studio*
- ✓ Penguasaan teknik asas bagi *blending* dan *filters*
- ✓ Penguasaan teknik penghasilan poster yang lebih kreatif



Peserta yang menyertai kursus

Kesemua peserta berjaya menguasai asas reka grafik dan mencipta reka grafik yang lebih kreatif dan menarik. Kursus ini juga dapat membantu pegawai dalam menghasilkan bahan-bahan reka grafik dengan lebih mudah dan cepat.

HUBUNG KAIT E-WASTE DENGAN MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN



Peningkatan penjanaaan e-waste serta pengendalian tanpa kaedah yang mesra alam memberikan cabaran besar dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampaan.

Matlamat Pembangunan Mampaan merangkumi lima dimensi, iaitu kemajuan masyarakat, penjagaan bumi, kemakmuran, keamanan dan kerjasama.

Perkara utama terangkum di bawah dimensi itu ialah kemiskinan, kesihatan, pendidikan, perlindungan sosial, peluang pekerjaan, perubahan iklim dan perlindungan alam sekitar.

Tahukah anda ?

Pengurusan e-waste amat berhubung kait dengan 6 daripada 17 Matlamat Pembangunan Mampaan. Jom baca infografik di atas untuk anda ketahui apakah 6 Matlamat Pembangunan Mampaan tersebut.



GREEN LIVING TIP YOU CAN APPLY AT HOME

PART 2 OF 7

People are drawn to a green-living lifestyle for a variety of reasons, whether it's sound environmental practices, cost-savings initiatives, or the opportunity to instill positive values in the younger generation. Fortunately, green living satisfies all of these areas simultaneously, while offering other benefits at the same time.

Because of the amount of time we spend in our homes, creating a green sensitive house is a way to make a serious impact. The following tip can help you make your home more eco-friendly so you can start living green today.

CREATE LESS WASTE



Many waste-creating daily habits actually have green-living alternatives. For example, purchasing a durable water bottle eliminates the need for plastic bottled water, and using inexpensive tote bags for shopping errands eliminates the need for plastic bags that will later be thrown away. Pay bills online and look for paperless options to cut back on the amount of waste paper you create, as well.



**GREEN TIPS SECRETARIAT
DEPARTMENT OF ENVIRONMENT**



MESYUARAT MAJLIS KUALITI ALAM SEKELILING KE-130

Tarikh : 27 Julai 2021 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Secara atas talian


Majlis ini adalah satu badan yang diperuntukkan penubuhannya di bawah Seksyen 4(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 (Pindaan) 2012 yang berperanan untuk memberi pandangan, nasihat, cadangan penambahbaikan dan syor-syor kepada Menteri berkaitan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan menasihati Menteri mengenai apa-apa perkara yang dirujukannya kepadanya oleh Menteri.

Majlis Kualiti Alam Sekeliling (EQC) telah mengadakan Mesyuarat Majlis Kualiti Alam Sekeliling Bilangan 2 Tahun 2021 pada 27 Julai 2021. Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya selaku Pengerusi Majlis bagi tempoh 1 Jun 2019 sehingga 31 Mei 2022. Mesyuarat ini telah diadakan secara atas talian mengambilkira situasi pandemik Covid-19 yang masih belum reda.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh semua ahli Majlis. Mesyuarat juga telah dihadiri oleh wakil daripada agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun, pihak swasta dan industri yang dijemput khusus dengan tujuan untuk mendapatkan pandangan terhadap kertas yang dibentangkan.

Dalam Mesyuarat EQC Bilangan 2 Tahun 2021, dua (2) kertas pertimbangan dan makluman telah dibentangkan masing-masing melibatkan Garis Panduan Pengimportan Sekerap Logam ke Malaysia oleh Jabatan Alam Sekitar dan Status Pelaksanaan Enakmen Penternakan Babi (Negeri Pulau Pinang) 2016 dan Peraturan-Peraturan Pelesenan Penternakan Babi (Negeri Pulau Pinang) 2020 oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang.

Adalah diharapkan kepelbagaian dalam disiplin kepakaran dalam kalangan ahli Majlis EQC, segala keputusan dan usaha-usaha berkaitan perlindungan alam sekitar akan dapat dilaksanakan secara lebih holistik dan berkesan demi matlamat melestarikan pengurusan alam sekitar di Malaysia.



SENARAI AHLI MAJLIS KUALITI ALAM SEKELILING (EQC) PENGGAL KE-16 (1 JUN 2019 HINGGA 31 MEI 2022)

Bil.	Perjawatan	Nama Ahli
1	Pengerusi EQC	YBhg. Dato' Dr Nadzri Bin Yahaya
2	Kementerian Alam Sekitar dan Air	Ketua Setiausaha, Kementerian Alam Sekitar dan Air
3	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli	Setiausaha, Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
4	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	Timbalan Ketua Setiausaha (Industri), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
5	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan	Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Dasar Kepenggunaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
6	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	Setiausaha Bahagian Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
7	Kementerian Sumber Manusia	Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Negeri Selangor Kementerian Sumber Manusia
8	Kementerian Pengangkutan	Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pengangkutan
9	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
10	Kementerian Kesihatan Malaysia	Timbalan Pengarah, Cawangan Regulatori Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia
11	Kerajaan Negeri Sabah	Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar Sabah Ahli Ganti: Pengarah Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah
12	Kerajaan Negeri Sarawak	Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Sarawak Ahli Ganti: Kontroller, Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar, Sarawak
13	Wakil Industri Petroleum	Dr. Salmaan Hussain Bin Inayat Hussain Ketua Jabatan Alam Sekitar & Prestasi Sosial, PETRONAS Ahli Ganti: Puan Noor Suhailah Binti Othman Ketua Alam Sekitar, PETRONAS



Bil.	Perjawatan	Nama Ahli
13	Wakil Industri Petroleum	Dr. Salmaan Hussain Bin Inayat Hussain Ketua Jabatan Alam Sekitar & Prestasi Sosial, PETRONAS Ahli Ganti: Puan Noor Suhailah Binti Othman Ketua Alam Sekitar, PETRONAS
14	Wakil Industri Kelapa Sawit	Encik Johari Meor Ngah Malaysian Palm Oil Association Ahli Ganti: Encik Johari Salleh Malaysian Palm Oil Association
15	Wakil Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)	YBhg. Dato' Hj. Mizanur Rahman Ghani Ahli Majlis dan Pengerusi FMM <i>Environmental Management Committee</i> Ahli Ganti: Encik K.N. Gobinathan Timbalan Pengerusi FMM <i>Environmental Management Committee</i> .
16	Wakil Industri Getah	Encik Lim Sum Teck, Vice President Malaysian Rubber Products Manufacturer Association (MRPMA) Ahli Ganti: Encik Chin Hon Meng Vice President Malaysian Rubber Products Manufacturer Association (MRPMA)
17	Wakil Kakitangan Akademik	YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo, Principal Fellow, Institute for Environment and Development (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia Head, Cluster of Environment and Natural Resources, Majlis Professor Negara Ahli Ganti: Tiada
18	Wakil Pertubuhan Yang Berpengalaman Mengenai Alam Sekitar	Puan Meenakshi Raman Presiden, Sahabat Alam Malaysia Ahli Ganti: Theivanai Amarthalingam Penasihat Undang-Undang Sahabat Alam Malaysia
19	Wakil Pertubuhan Yang Berpengalaman Mengenai Alam Sekitar	Puan Saradambal Srinivasan Policy Lead, Peninsular Malaysia Terrestrial Programme World Wildlife Fund Ahli Ganti: Tiada

JOM KENALI APLIKASI MyEwaste

MyEwaste adalah aplikasi yang dibangunkan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk memudahkan orang awam mengetahui pusat pengumpulan e-waste yang berdaftar.

Selain itu, terdapat pelbagai fungsi lain dalam aplikasi MyEwaste ini yang berfaedah untuk meningkatkan pengetahuan orang awam mengenai pengurusan e-waste di Malaysia.

Jom baca infografik di bawah untuk kenali fungsi yang terdapat dalam Aplikasi MyEwaste ini.

Muat turun sekarang aplikasi MyEwaste di Google Playstore/ Apple App Store untuk kitar semula e-waste anda.




Pada laman ini, pengguna boleh mencari Pusat Pengumpulan berhampiran untuk menghantar e-waste mereka



Pengguna boleh melihat Video Informatif dan Infografik berkenaan pengurusan e-waste di Malaysia



Dapatkan berita terkini berkaitan e-waste dan isu alam sekitar



Pengguna boleh membaca Infografik berkenaan Komposisi Bahan di dalam e-waste pada laman ini dengan klik pada ikon

RANCANGAN MALAYSIA KE DUA BELAS (RMKE-12) OLEH BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Semenjak 1961, Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah ditubuhkan bagi menyediakan dan mengelola rancangan Pembangunan negara. Menyelusuri 11 rancangan lima (5) tahun Malaysia, pelbagai kisah yang dapat dibanggakan termasuklah peningkatan pendapatan bulanan purata isi rumah, pengurangan kadar pengangguran, pengurangan kadar kemiskinan, peningkatan akses kepada bekalan air bersih sebanyak 95.1 peratus dan sebanyak 97.6 peratus pula telah mula mendapat bekalan elektrik.


Melihat kepada keberhasilan Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMKe-11), ekonomi negara terus mencatat pertumbuhan yang kukuh dalam tempoh tersebut. Dalam tempoh tiga (3) tahun pertama Rancangan 2016-2018, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar telah mencatat pertumbuhan purata 5.0 peratus setahun. Kadar pertumbuhan ini mencerminkan asas ekonomi Malaysia yang masih kukuh serta struktur ekonomi domestik yang pelbagai. Ekonomi Malaysia juga kekal berdaya tahan meskipun berhadapan dengan persekitaran luar yang mencabar berikutan ketegangan perdagangan Amerika Syarikat dan China yang berterusan, harga komoditi yang rendah serta permintaan global yang lebih sederhana.

Cabaran Rancangan Malaysia diteruskan ke tahun 2021-2025 bagi Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMKe-12). Suasana penyediaan RMKe-12 dihimpit kontroversi berikutan pertukaran kerajaan pada Mac 2020

serta kemunculan pandemik COVID-19 telah menangguhkan pembentangan RMKe-12 kepada Januari 2021 meskipun jadual asalnya adalah Ogos 2021. Memetik kata-kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mustapa Mohamed,

“Perubahan disebabkan COVID-19 itu sudah pasti (wujud), kita perlu mengambil kira cara kita bekerja, landskap ekonomi juga berubah dengan ketara dan mendadak, jadi, itu perlu diambil perhatian, sebab itu ia (RMKe-12) perlu dilihat semula.”

Namun, di Jabatan Alam Sekitar (JAS) perancangan RMKe-12 telah bermula pada awal tahun 2020 lagi. Berikutan itu, sebanyak 14 projek telah diluluskan oleh EPU dengan peruntukan perbelanjaan sebanyak RM83,250,000. Ini merupakan projek terbanyak yang pernah diluluskan oleh EPU untuk JAS. Justeru, ia menjadi satu cabaran untuk kita terus mengekalkan prestasi perbelanjaan yang cemerlang seperti tahun-tahun sebelum.



Sesi pembentangan projek bagi RP2022 bersama Kementerian

RMKe-12 dibina atas dasar nasional dan global iaitu dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 30) serta 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 17). Antara tonggak yang digariskan di bawah RMKe-12 ialah Tonggak 2: Pertumbuhan Hijau. Selaras dengan tonggak tersebut, JAS telah merancang 14 projek yang terdiri daripada pengukuhan akta serta garis panduan, kajian-kajian berkaitan alam sekitar, projek fizikal seperti pembinaan JAS Terengganu serta projek berasaskan *Communication, Education and Public Awareness (CEPA)*. Tidak dinafikan, situasi pandemik semasa masih menjadi cabaran utama dalam menjayakan RMKe-12 bagi Rolling Plan (RP) 2021. Namun, sehingga 31 Julai 2021, kita telah berbelanja sebanyak 38.26% iaitu RM31,134,650.01.



Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Peringkat Jabatan (JPPJ) yang diadakan setiap bulan bagi memantau status projek serta perbelanjaan semasa

Sebagai penutup kata, jutaan tahniah kepada semua pegawai projek, Pengarah-Pengarah termasuk di EIMAS dan JAS Negeri serta pihak pengurusan kanan JAS serta Kementerian atas komitmen dalam menjayakan, memberi pandangan dan membantu melancarkan kerja-kerja melibatkan projek RMKe-12.



AKAS 1974

GARIS PANDUAN

CEPA

PROJEK FIZIKAL





GREEN LIVING TIP YOU CAN APPLY AT HOME

PART 3 OF 7

People are drawn to a green-living lifestyle for a variety of reasons, whether it's sound environmental practices, cost-savings initiatives, or the opportunity to instill positive values in the younger generation. Fortunately, green living satisfies all of these areas simultaneously, while offering other benefits at the same time.

Because of the amount of time we spend in our homes, creating a green sensitive house is a way to make a serious impact. The following tip can help you make your home more eco-friendly so you can start living green today.

SOURCE YOUR FOOD LOCALLY



The shorter the distance that food travels from the farm to your dinner table, the less energy the journey consumes. Keep an eye out for farmer's markets and local sections in your supermarket to source locally produced meat, dairy, and produce. If the food is organic and grown without releasing damaging chemicals into the environment, all the better.



GREEN TIPS SECRETARIAT
DEPARTMENT OF ENVIRONMENT



PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI KALI KE-27 TAHUN 2021

Pertandingan Debat Alam Sekitar antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) kali ke-27 telah diadakan secara maya sebagai pendekatan norma baharu. Pertandingan telah bermula dari 14 hingga 21 Ogos 2021 bersempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2021.

Pertandingan Debat Alam Sekitar antara IPT kali ke-27 telah disertai oleh 28 pasukan iaitu terdiri daripada 17 IPT Awam, empat (4) Institusi Pendidikan Guru (IPG), satu (1) politeknik dan enam (6) IPT Swasta.

Debat Alam Sekitar antara Institusi Pendidikan Tinggi merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sejak 1991 dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi, Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada pertandingan edisi ke-27 ini, pelaksanaan pertandingan telah dijalankan dengan kerjasama Rakan Strategik yang dilantik iaitu Malaysian Institute of Debate and Public Speaking (MIDP).

Objektif pertandingan ini ialah untuk menggalakkan mahasiswa untuk lebih berfikiran terbuka, kritikal, kritis dan celik pengetahuan umum yang menyentuh pelbagai aspek alam sekitar. Di samping itu, ia dapat meningkatkan pengetahuan mahasiswa bakal pemimpin yang akan menerajui tampuk kepimpinan negara pada masa hadapan berkenaan isu-isu/ dasar-dasar/ polisi-polisi alam sekitar di peringkat nasional dan antarabangsa.

Pertandingan debat ini merupakan debat Ala-Parlimen dan juga debat terbuka (debat biasa). Pertandingan peringkat awal melibatkan lima (5) pusingan. Lapan (8) pasukan terbaik dipilih untuk ke peringkat suku akhir dan empat (4) pasukan yang menang pula ke peringkat separuh akhir dan seterusnya dua (2) pasukan terbaik bertanding di peringkat akhir.

Pertandingan Akhir Debat Antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) kali ke-27 secara maya telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha, Kementerian Alam Sekitar dan Air. Majlis turut dihadiri oleh Yang Berusaha Dr. Nagulendran a/l Kangayatkarasu, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar), Yang Berusaha Puan Norlin Binti Jaafar, Ketua Pengarah Alam Sekitar, Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Haji Abang Sallehuddin bin Abg. Shokeran, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Yang Berbahagia Prof. Dr. Shamsul bin Sahibuddin, Timbalan Naib Canselor-Hal Ehwal Pelajar & Akademik, Universiti Teknologi Malaysia Merangkap Pengerusi Majlis Debat Universiti Awam (MADUM).



Pertandingan Akhir Debat Alam Sekitar antara IPT secara maya di antara pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Pertandingan debat akhir menyaksikan pasukan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan tajuk usul "Pemulihan Ekosistem Adalah Tanggungjawab Negara-Negara Maju". Pertandingan akhir bagi edisi ke 27 ini masih mengekalkan sentuhan emas dari Yang di-Pertua Dewan (YDP), Yang Berbahagia Dato' Haji Chuari Selamat yang telah dilantik sebagai YDP pertandingan akhir sebanyak 25 kali. Pasukan UIAM yang berperanan sebagai pembangkang telah muncul sebagai Johan dan menerima Piala Pusingan Menteri KASA, hadiah wang tunai RM8,000.00 serta sijil penyertaan. Pasukan UiTM pula muncul sebagai Naib Johan dan meraih hadiah wang tunai sebanyak RM5,000.00, piala iringan dan sijil penyertaan.



Pengumuman pemenang secara maya bagi johan pertandingan debat alam sekitar 2021

Muhammad Ilham Hafiz bin Azmi, pendebat daripada UIAM telah muncul sebagai Pendebat Terbaik Peringkat Akhir dan menerima hadiah wang tunai RM1,500.00, piala iringan dan sijil penyertaan. Pendebat Terbaik Peringkat Liga pula dimenangi oleh pendebat dari Universiti Malaya iaitu Muhammad Amirul Izwan bin Ismail yang membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000.00, piala iringan dan sijil penyertaan.



Pengumuman pemenang secara maya bagi pendebat terbaik pertandingan akhir kepada pendebat daripada UIAM



CIRI YANG TERBARU DALAM MYGOVUC 2.0 ANTARAMUKA ICEWARP VIDEO CONFERENCE & SELF SERVICE RESET PASSWORD

MyGovUC 2.0 merupakan Perkhidmatan Komunikasi dan Kolaboratif Bersepadu Kerajaan yang telah dilancarkan bermula 1 Januari 2021. Kepentingan MyGovUC 2.0 adalah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan sektor awam yang mendukung Pelan Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan. Perkhidmatan ini menggunakan platform IceWarp.


Kepentingan MyGovUC 2.0 dalam memudahkan komunikasi adalah :

- Kaedah komunikasi melalui e-mel, *chatting* dan *video conferencing*;
- *Chatting* boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan;
- Sejarah *chatting* boleh dilihat dan disimpan di ruangan *chatting*;
- Berkomunikasi semudah aplikasi *chatting* yang lain;
- Ruangan *chatting* berada setempat (*one-stop-center*) di dalam WebClient; dan
- Aplikasi *chatting* boleh dicapai melalui WebClient dan juga aplikasi mobile.

Manakala, kepentingan MyGovUC2.0 dalam memudahkan kolaborasi adalah

- ✓ Memudahkan perkongsian dan pengemaskinian fail dan dokumen secara dalam talian bersama-sama rakan sekerja (*digital workspace*);
- ✓ Penyimpanan dokumen secara dalam talian yang memudahkan akses dari mana-mana lokasi atau perantiran pada bila-bila masa; dan
- ✓ Peningkatan kolaborasi ini diharapkan akan meningkatkan tahap berdaya saing kerajaan.

Daripada kesemua ciri MyGovUC 2.0 ini, ciri utama yang telah diperbaharui yang disediakan dalam MyGOVUC 2.0 ialah persidangan dalam talian atau lebih dikenali sebagai *Video Conference*. *Video Conference* ini boleh diakses dan disertai menggunakan *browser* melalui MyGovUC 2.0 WebClient di komputer dan telefon bimbit. Fungsi-fungsi dalam *Video Conference* telah dinaiktaraf dan antaramuka telah diperbaharui pada 23 Ogos 2021 seperti di gambar rajah dibawah :-




Selain itu, satu ciri yang lain yang turut ditambahbaik dalam MyGovUC 2.0 iaitu fungsi *Self Service Reset Password* melalui Alternatif Emel Pengguna yang telah diwujudkan pada 28 Julai 2021. Ciri ini terdapat di dalam UPMS (User Profile Management System) di mana ciri ini membolehkan pengguna menukar kata laluan sendiri sekiranya terlupa kata laluan atau pada bila-bila masa sahaja tanpa perlu menghubungi Pentadbir UC JAS atau Meja Bantuan MyGovUC 2.0. Tujuan utama ciri ini dibangunkan adalah bagi meningkatkan tahap keselamatan akaun pengguna.


Sebelum pengguna boleh menggunakan fungsi ini, pengguna terlebih dahulu perlu mengemaskini maklumat 'alamat emel alternatif' seperti gambarajah di bawah :-

A. Kemaskini Alternatif E-mel

- 1 Pastikan pengguna mengemaskini maklumat peribadi dengan memasukkan alternatif e-mel melalui menu *User Self Service*.




- 2 Memasukkan alternatif e-mel di Tab 'Contact Information' dan tekan butang 'Update Profile'.



Ciri ini boleh digunakan apabila pengguna terlupa kata laluan MyGovUC 2.0 dengan mengikuti langkah seperti di bawah ini :-

B. Lupa Kata Laluan Atau Tukar Kata Laluan

- 1 Pengguna disarankan menukar kata laluan melalui fungsi *self-service reset password* ini. Pengguna boleh klik pada 'Lupa Kata Laluan?'.
- 2 Pengguna perlu masukkan kesemua maklumat yang diminta termasuk alternatif e-mel sebagaimana yang telah didaftarkan dalam *profile* pengguna di menu *User Self-service*. Seterusnya, klik butang 'Hantar'.
- 3 Satu notifikasi e-mel akan dihantar ke alternatif e-mel pengguna. E-mel ini mengandungi kata laluan sementara.



Secara kesimpulannya, MyGovUC 2.0 merupakan satu perkhidmatan yang diuruskan secara berpusat oleh MAMPU bagi semua agensi kerajaan Malaysia untuk memudahkan komunikasi dan kolaborasi.

MyGovUC

KOMUNIKASI BERSEPADU

Outlook® Web App

Cara Memulakan VC dan Menjemput Peserta di TeamChat Mobile


Untuk menggunakan VC MyGovUC 2.0, anda perlu log masuk terlebih dahulu ke dalam TeamChat. Paparan untuk Android dan iOS adalah sedikit berbeza, walau bagaimanapun, fungsi dan *buffon* adalah sama:

Mengadakan VC Segera di Android

- Klik 'MEET NOW'.
- Isikan nama/ tajuk perbincangan serta benarkan akses kepada mikrofon dan kamera. *Tuan/ Puan digalakkan menggunakan kalendar bagi memastikan VC yang dijalankan selamat.
- Klik 'START'.
- Sekarang, anda boleh bermesyuarat atau melakukan perbincangan di TeamChat Mobile.

Menjadualkan VC di iOS


- Klik 'Schedule Conference'.
- Isikan nama/ tajuk perbincangan, tetapkan tarikh dan masa, isikan e-mel peserta serta nota. *Tuan/ Puan digalakkan menggunakan kalendar bagi memastikan VC yang dijalankan selamat.
- Klik 'Save'.
- Pop up 'Saved to your events' akan keluar menandakan VC telah berjaya dijadualkan. Anda boleh menyemak VC yang telah dijadualkan di bahagian *Upcoming*.




MESYUARAT PENYELARASAN PENGUATKUASAAN KENDERAAN BERMOTOR BILANGAN 1 TAHUN 2021

Tarikh : 1 September 2021 (Rabu)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Secara atas talian

Mesyuarat ini diadakan pada setiap tahun oleh Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat bagi menyelarasa hala tuju dan gerak kerja penguatkuasaan kawalan pencemaran daripada pelepasan kenderaan bermotor di seluruh negara. Mesyuarat dipengerusikan oleh YBrs. Puan Mashitah Binti Darus, Pengarah Bahagian Udara, Jabatan Alam Sekitar dan turut dihadiri oleh Tuan Haji Shafe'ee Bin Yasin, Pengarah Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Wakil daripada Unit Penguatkuasaan Kenderaan Bermotor setiap JAS Negeri telah hadir ke mesyuarat ini yang diadakan secara atas talian sebagai langkah pencegahan membendung penularan wabak Covid-19.



Mesyuarat telah mengambil maklum hala tuju dan polisi terkini yang sedang dilaksanakan di peringkat Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat. Mesyuarat juga telah dimaklumkan akan status terkini pencapaian operasi dan tindakan penguatkuasaan di seluruh negara. Adalah diharapkan usaha ini dapat diteruskan untuk memastikan pencemaran daripada kenderaan bermotor terus dibendung dan alam sekitar sentiasa terpelihara demi kesejahteraan dan kesejahteraan hidup rakyat.





GREEN LIVING TIP YOU CAN APPLY AT HOME

PART 4 OF 7

People are drawn to a green-living lifestyle for a variety of reasons, whether it's sound environmental practices, cost-savings initiatives, or the opportunity to instill positive values in the younger generation. Fortunately, green living satisfies all of these areas simultaneously, while offering other benefits at the same time.

Because of the amount of time we spend in our homes, creating a green sensitive house is a way to make a serious impact. The following tip can help you make your home more eco-friendly so you can start living green today.

DON'T LET THERE BE LIGHT



Turning off the lights in an empty room is an energy-saving tip that predates the green-living movement. Opening the curtains to welcome sunlight during the day can often provide all the light that is necessary. At night, try to go as long as possible before finally turning the lights on.



GREEN TIPS SECRETARIAT
DEPARTMENT OF ENVIRONMENT



AKTIVITI/PROGRAM UNIT RAS BAGI TEMPOH JULAI-SEPTEMBER 2021

1. *Plogging* (Kutip sampah sambil riadah) pada 11 September 2021

Program *Plogging* atau juga dikenali sebagai Kudah (kutip sampah sambil riadah) merupakan salah satu aktiviti yang dilaksanakan di bawah Rakan Alam Sekitar (RAS). *Plogging* ini bermaksud ahli RAS atau komuniti setempat boleh menjalankan aktiviti dengan menggunakan kaedah serampang dua mata. Sambil kita beriadah menyihatkan tubuh badan kita dengan cara berjoging atau berjalan kaki, kita dapat berbakti kepada alam sekitar dengan cara membersihkan laluan atau persekitaran tempat riadah tersebut.



Objektif aktiviti ini adalah untuk tujuan riadah di samping menghayati keindahan tempat riadah tersebut. Program *plogging* yang diadakan dapat memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan menjaga alam sekitar serta memupuk rasa cintakan alam sekitar sambil menyihatkan tubuh badan. Persekitaran yang bersih ini pastinya dapat memberikan manfaat kepada kita dalam menjalani kehidupan seharian dengan lebih sihat. Sebagaimana tubuh badan manusia yang perlu dijaga supaya sentiasa kekal bersih dan sihat, alam sekitar juga perlu diberikan layanan yang sama.

Pada suku ketiga tahun 2021 ini, RAS telah menjalankan program *Plogging* di sekitar Taman Tasik Cempaka, Bangi, Selangor pada 11 September 2021 bersempena dengan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) yang disambut pada 21 Oktober setiap tahun.



Program ini dihadiri oleh YBhg. Datuk Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar) KASA bersama-sama YBhg. Encik Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar. Turut serta dalam program ini juga ialah warga KASA, penggerak komuniti dan beberapa orang ahli RAS.

Dalam program tersebut, pasukan gotong-royong Kudah ini telah dapat mengumpulkan sebanyak 100 kilogram sampah dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Persekitaran Taman Tasik Cempaka dipilih sebagai lokasi program pada kali ini kerana ia merupakan lokasi riadah orang awam bagi yang ingin berjalan kaki, berjoging, berbasikal dan menghirup udara yang segar di tepi tasik.



2. Program Gotong-royong Membersihkan Sungai di Komuniti Friends of Sungai Klang @ Melawati River Tree, Ulu Klang, Selangor

Pada 18 September 2021, Rakan Alam Sekitar (RAS) telah menyertai program pembersihan sungai di Friends of Sungai Klang @ Melawati River Tree bertempat di Taman Melawati, Hulu Kelang, Selangor.

Program ini dihadiri oleh YBhg. Datuk Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan YBhg. Encik Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar bersama-sama dengan Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Turut hadir ialah Ir. Haji Mansor bin Ghani yang merupakan Pengerusi Friends of Sungai Klang @ Melawati River Tree. Program ini juga turut disertai oleh warga KASA, penggerak komuniti dan beberapa orang ahli RAS.



Program ini dijalankan bertujuan bagi mendekatkan RAS dengan komuniti setempat dalam menjayakan sesuatu aktiviti bersifat kelestarian alam sekitar. Tujuan utama program adalah bagi menyediakan dan mengindahkan denai sungai di kawasan tersebut. Dengan adanya denai di tepi sungai, ia akan menggalakkan aktiviti masyarakat seperti berkelah, memancing dan berbasikal di kalangan komuniti setempat yang menghargai ekosistem. Kehadiran orang ramai di kawasan tersebut akan menghalang pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab menjadikan sungai sebagai tempat pembuangan sisa. Di samping itu, anjakan sumber ekonomi di lokaliti berhampiran juga berpotensi untuk menyumbang kepada eko-pelancongan setempat.



Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) (DSK) yang sedang berlangsung sejak tahun 2020 ialah program pembangunan laluan di sepanjang jajaran sungai, kolam atau badan air yang berfungsi untuk menjadikannya sebagai kawasan riadah dan rekreasi. Sesungguhnya, aktiviti menyusuri denai sambil menikmati udara segar dan keindahan hijau alam tidak hanya dapat memberi ketenangan kepada jiwa, malah lebih penting, mampu bertindak sebagai mekanisme penjagaan dan pelestarian sungai daripada aktiviti pencemaran. Walaupun Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan sungai, kelestariannya tetap memerlukan sokongan dan keterlibatan semua pihak.



Dalam program pada kali ini, antara aktiviti yang menjadi pengisian adalah seperti berikut:-

- Gotong royong membersihkan kawasan
- Menebas rumput/ semak samun
- Mengutip sisa-sisa pepejal
- Mengindahkan denai sungai sedia ada
- Menanam anak pokok



Lokasi Sungai Klang di Taman Melawati dipilih pada kali ini adalah sebagai menghargai bahawa Sungai Klang adalah sungai yang akan bercantum dengan Sungai Gombak dan pertembungan ini berlaku di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur. Selain itu, ia juga dijalankan sempena sambutan ulangtahun yang ke-3 bagi kewujudan komuniti Friends of Sungai Klang @ Melawati River Tree.

Aktiviti ini dijalankan dengan kawalan penyertaan dan mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM antaranya mengimbas kod MySejahtera, mengimbas suhu badan, sanitasi tangan sebelum dan selepas program, serta penjarakan fizikal memandangkan kita masih lagi berada di dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Rakan Alam Sekitar (RAS) di seluruh negara telah bersama-sama mengambil bahagian dalam program DSK yang dijalankan sepanjang tahun dengan slogan RAS Cakna Sungai. Dengan tema *Valuing Water*, diharapkan program gotong-royong ini dapat diteruskan bagi memastikan kelestarian alam itu terus dikekalkan.



GREEN LIVING TIP YOU CAN APPLY AT HOME

PART 5 OF 7

People are drawn to a green-living lifestyle for a variety of reasons, whether it's sound environmental practices, cost-savings initiatives, or the opportunity to instill positive values in the younger generation. Fortunately, green living satisfies all of these areas simultaneously, while offering other benefits at the same time.

Because of the amount of time we spend in our homes, creating a green sensitive house is a way to make a serious impact. The following tip can help you make your home more eco-friendly so you can start living green today.

USE GREEN CLEANING PRODUCTS



Everyone needs to clean, but some of the cleaning products you purchase at the supermarket can have negative effects on the environment, not to mention your own health. You can concoct healthy, green cleaners using common household items like baking soda and vinegar that will get your home clean and shiny without the harmful side effects.



3. Webinar RAS: Pengalaman dan *Success Story* Program Komuniti Pasir Gudang, Johor pada 21 September 2021

Pada 21 Oktober setiap tahun kita akan menyambut Hari Alam Sekitar Negara, iaitu satu sambutan yang sangat bermakna bagi negara kita dari sudut alam sekitar. Pelbagai program telah dirancang dan dianjurkan oleh pelbagai pihak sebagai tanda kecintaan kita kepada alam sekitar khususnya di negara Malaysia yang kita cintai ini. Justeru, Rakan Alam Sekitar (RAS) juga tidak ketinggalan dalam merencanakan lagi sambutan Hari Alam Sekitar Negara pada tahun ini melalui pelbagai program yang telah dirancang untuk dilaksanakan.

Dalam menempuhi cabaran norma baharu, RAS juga telah menjalankan program berbentuk seminar secara atas talian sebagai perkongsian maklumat bersama komuniti iaitu program Webinar RAS yang telah dilaksanakan pada 21 September 2021 sempena Hari Alam Sekitar Negara yang bertajuk 'Pengalaman dan *Success Story* Program Komuniti Pasir Gudang, Johor'. Melalui webinar ini, panel pembentangan telah berbicara mengenai sesuatu perkongsian maklumat, pengalaman dan juga sebagai *success story* bagi program-program kesedaran berbentuk komuniti di Pasir Gudang khususnya dan di seluruh negara umumnya, dengan melihat dari perspektif berbeza.



Tajuk webinar ini telah dipilih melalui persetujuan bersama di bawah Jawatankuasa Kelestarian Pasir Gudang Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang mana ia dilihat dapat menyampaikan maklumat kepada orang awam mengenai usaha-usaha JAS, agensi dan komuniti setempat dalam meningkatkan semula kualiti alam sekitar di Pasir Gudang, Johor.

Webinar ini dianjurkan bertujuan memberikan perkongsian maklumat dan pengalaman kepada masyarakat umum mengenai program-program berbentuk komuniti yang telah dijalankan dengan bertemakan kelestarian alam sekitar.

Webinar ini bukan berkonsepkan forum atau bual bicara, tetapi diaturnya berbentuk seminar yang mana setiap seorang daripada tiga (3) panel telah diberikan tajuk perkongsian atau pembentangan masing-masing seperti yang dinyatakan. Setiap pembentang diberikan masa selama 30 hingga 40 minit untuk menyampaikan perkongsian. Sesi soal jawab disediakan selepas setiap panel menyampaikan perkongsian.



Webinar ini telah dijayakan dengan penglibatan seorang moderator daripada JAS dan tiga (3) orang panel pembentang dengan tajuk pembentangan masing-masing seperti berikut:-

(i) MODERATOR:



Encik Azhar bin Saran
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Komunikasi Strategik, JAS

.....

(i) PANEL 1:



Encik Ahmad Bukhori bin Najmi
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Komunikasi Strategik, JAS
Penyelaras Rakan Alam Sekitar (RAS)
di peringkat Ibu Pejabat.

Tajuk pembentangan:

'Peranan RAS, Aktiviti RAS dan Manfaat RAS kepada Komuniti'.

(ii) PANEL 2:



Encik Muhammad Hazim bin Roslan
Pelajar Tahun 3 Sarjana Muda
Pengurusan Pemasaran, Universiti
Teknologi Malaysia.
Ahli RAS berdaftar di Negeri Johor.

Tajuk pembentangan:

'Pengalaman dan *Success Story*
Program Komuniti Setempat di Pasir
Gudang oleh Ahli Rakan Alam
Sekitar'.

(iii) PANEL 3:



Encik Noor Mohd Emran bin Amir
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pembangunan 2
Jabatan Alam Sekitar Negeri
Johor.

Tajuk pembentangan:

'Program Pendidikan dan
Kesedaran Jabatan Alam Sekitar
Negeri Johor: Kami di Pasir
Gudang'.



GREEN LIVING TIP YOU CAN APPLY AT HOME

PART 6 OF 7

People are drawn to a green-living lifestyle for a variety of reasons, whether it's sound environmental practices, cost-savings initiatives, or the opportunity to instill positive values in the younger generation. Fortunately, green living satisfies all of these areas simultaneously, while offering other benefits at the same time.

Because of the amount of time we spend in our homes, creating a green sensitive house is a way to make a serious impact. The following tip can help you make your home more eco-friendly so you can start living green today.

ELIMINATE USELESS ENERGY WASTE

Even those most dedicated to green living at home waste energy via household items that are not in use. Tour the home and look for leaky faucets that need to be fixed, electronics and chargers that can be unplugged, and computers that need to be completely shut off. All of these adjustments will improve one's green-living lifestyle.





Program
Book Review
Jabatan Alam Sekitar

Program Book Review yang akan diadakan secara bulanan bermula Julai 2020 merupakan platform bagi pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar berkongsi ulasan buku-buku teknikal dan bukan teknikal yang telah dibaca oleh mereka.

Semua staf Jabatan Alam Sekitar adalah dijemput dan digalakkan untuk turut serta di dalam program yang penuh manfaat ini.

#jasmembaca
#KementerianAlamSekitarDanAir
#jabatanalamsekitar
#alamsekitartanggungjawabbersama

ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA

JABATAN ALAM SEKITAR



TAJUK: 28 HARI DI NICU
PENGARANG: ABDUL MUHAIMIN
NO.ISBN: 978-967-0716-93-0
TERBITAN: MUST READ SDN BHD

Trimosy-18 atau Sindrom Edward adalah masalah genetik yang berpunca daripada kromosom nombor 18 yang mempunyai tiga unit. Berbeza dengan Sindrom Down, Sindrom Edward ini selalunya 'incompatible with life'. Saat penulis dimaklumkan dengan perkhabaran berkaitan cahaya mata beliau oleh doktor, hanya Allah sahaja yang tahu bagaimana perasaannya. Buku ini menceritakan kisah penulis bersama keluarga beliau menjaga anak syurga, Nur Wafiatul Zafira.

Penceritaan buku ini membawa kita bersama-sama mendalami kegembiraan, keresahan dan kekusaran seorang bapa di dalam kembara beliau memelihara amanah Allah setelah usai 28 hari di NICU. Pelbagai perkara baru yang dipelajari daripada kisah-kisah yang dikongsikan oleh beliau terutamanya berkaitan kekeluargaan dan sistem sokongan di Malaysia. Sepanjang penceritaan penulis banyak mengajar pembaca erti kesabaran dalam menghadapi dugaan dan menerima dugaan tersebut sebagai satu perkara yang positif. Benarlah ungkapan, Allah tidak akan menguji hamba-Nya melebihi kemampuan. Penulisan yang seakan diari penulis bersulam dengan gambar dan memori bersama anak syurga beliau membuatkan pembaca lebih dekat dengan kisah beliau.

Gaya penulisan yang santai menjadikan buku ini amat sesuai dibaca oleh semua lapisan sebagai bahan bacaan umum. Secara jujurinya sukar untuk tidak menitikkan air mata semasa membaca buku ini kerana pengalaman tersebut menyentuh hati terutamanya mereka yang pernah bergelar ibu bapa.

*Ulasan Buku Oleh: Puan Nurul Syazreen binti Razali
Bahagian Komunikasi Strategik, JAS Putrajaya*

**PENERBITAN LAPORAN KUALITI ALAM SEKELILING (EQR) DAN
LAPORAN TAHUNAN (AR) BAGI TAHUN 2020**

LAPORAN KUALITI ALAM SEKELILING



OBJEKTIF

Memenuhi kehendak Seksyen 3(1)(i)AKAS 1974 (Akta 172)

KANDUNGAN

Kualiti Udara, Air Sungai, Air Tanah, Air Mari dan Pulau-pulau serta Inventori Punca Pencemaran

SASARAN

Umum

KEKERAPAN

Setiap tahun

SALINAN DIGITAL

Boleh diakses melalui laman web EKMC

LAPORAN TAHUNAN



OBJEKTIF

Diterbitkan sebagai wacana yang melaporkan pelbagai aktiviti, sumbangan, kejayaan dan pencapaian JAS sebagai bukti komitmen warga Jabatan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

SASARAN

Umum


KEKERAPAN

Setiap tahun

SALINAN DIGITAL

Boleh diakses melalui laman web EKMC

Bil. 22/2021



OIL SPILL IMPACTS

Taxonomic and Ontological Approaches

Starting with the 2010 Gulf of Mexico Deepwater Horizon oil spill incident, *Oil Spill Impacts: Taxonomic and Ontological Approaches* chronicles a timeline of events that focus on the impact of oil spills and provides an understanding of these incidents using a number of approaches. The book includes an interdisciplinary oil spill taxonomy, an oil spill topic map, and highlights information-organization tools, such as indexes, taxonomies, and topic maps that can be used to connect information resources with concepts of interest.

The topic map combines the function of ontology with the function of organized information resources, and contains thousands of concepts and their relationships extracted from approximately 300 documents stemming from various academic conference presentations, journal articles, news reports, and web pages.

Divided into four parts, the book begins with a brief introduction of the Gulf of Mexico Deepwater Horizon oil spill events followed by a breakdown of the taxonomy concepts distributed into categories and their subcategories. The book then describes the oil spill topic map separated by concepts, relationships, and references.

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=17960>

Perpustakaan Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) Bil.25/2021

Air Dispersion Modeling

Foundations and Applications
Alex De Vaucher



AIR DISPERSION MODELING: Foundations and Applications

Air Dispersion Modeling begins with a primer that enables readers to quickly grasp basic principles by developing their own air dispersion model. Next, the book offers everything readers need to work with air dispersion models and accurately interpret their results, including:

Full chapter dedicated to the meteorological basis of air dispersion Examples throughout the book illustrating how theory translates into practice Extensive discussions of Gaussian, Lagrangian, and Eulerian air dispersion modeling


Detailed descriptions of the AERMOD and CALPUFF model formulations This book also includes access to a website with Microsoft Excel and MATLAB files that contain examples of air dispersion model calculations. Readers can work with these examples to perform their own calculations.

With its comprehensive and up-to-date coverage, *Air Dispersion Modeling* is recommended for environmental engineers and meteorologists who need to perform and evaluate environmental impact assessments. The book's many examples and step-by-step instructions also make it ideal as a textbook for students in the fields of environmental engineering, meteorology, chemical engineering, and environmental sciences.

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=17873>

Bil. 23/2021

In Situ Testing In Geomechanics



The main Tests

Demanding a thorough knowledge of material behaviour and numerical modelling, site characterisation and in situ test interpretation are no longer just basic empirical recommendations.

Giving a critical appraisal of the understanding and assessment of the stress-strain-time and strength characteristics of geomaterials, this book explores new interpretation methods for measuring properties of a variety of soil formations.

Emphasis is given to the five most commonly encountered in situ test techniques:


- ~standard penetration tests
- ~cone penetration tests
- ~vane test
- ~pressuremeter tests
- ~dilatometer tests

Ideal for practising engineers in the fields of geomechanics and environmental engineering, this book solves numerous common problems in site characterisation. It is also a valuable companion for students coming to the end of their engineering courses and looking to work in this sector.

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=331>

Bil. 20/2021

Construction Site Erosion and Sediment Controls: Planning, Design and Performance



Planning, Design and Performance

Stormwater managers, hydrologists, watershed managers, municipal water authorities, county conservation specialists. Here is a fully up-to-date book, by three leading experts, containing critical design tools for practical implementation of techniques to control and abate run-off and sediment from construction sites. With many original illustrations and examples, this text provides the design principles to monitor and to implement mitigating steps that will enable you and your staff to meet regulations by taking steps that fit the development level, soil type, and rainfall amounts of your region. The information presented here is need-to-know technology for anyone tasked with planning, implementing, or monitoring stormwater in urban, suburban and rural settings

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=264>

Bil. 24/2021

HANDBOOK OF ENVIRONMENTAL ENGINEERING CALCULATIONS


Handbook of
Environmental Engineering Calculations

Environmental engineering encompasses many areas, ranging from solid waste disposal and wastewater treatment to life cycle analysis. Although there are many publications relative to the description of concepts and methodologies in the environmental control area, the actual calculations relative to the field seldom appear in these publications. The objective of this volume is to: show the integration of regulatory requirements into environmental design so that the results can make these designs more acceptable to regulators; provide step-by-step practical calculations procedures in many environmental control areas for easy understanding and applications; and help engineers respond to very complicated environmental control problems. Each calculation procedure presents explained and illustrated steps for solving similar problems that an engineer may encounter in his daily environmental control activities.

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=11538>

Bil. 26/ 2021

HAZOP
Guide to Best Practice



HAZOP: Guide to Best Practice, 3rd Edition describes and illustrates the HAZOP study method, highlighting a variety of proven uses and approaches. This updated edition brings additional experience with which to assist the reader in delivering optimum safety and efficiency of performance of the HAZOP team. HAZOP is the most widely-used technique in the process industries for the identification of hazards and the planning of safety measures.

This book explains how to implement HAZOP techniques in new facilities and apply it to existing facilities. The content covers many of the possible applications of HAZOP and takes you through all the stages of a study. This simple, easily digestible book is a favorite in the chemical and process industries.

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=17977>

dan berbagai buku serta bahan ilmiah yang lain



Institut Malaysia Alam Sekitar (EIMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia
Beg Berkunci No 24
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan.
Latitud : 2.9255121 Longitud :101.7883249

**Tel: 03-8926 1500/ 03-89262005/
03-89261368/ 03-89250873/ 03-89261369**
Faks: 03-8926 1700





GREEN LIVING TIP YOU CAN APPLY AT HOME

PART 7 OF 7

People are drawn to a green-living lifestyle for a variety of reasons, whether it's sound environmental practices, cost-savings initiatives, or the opportunity to instill positive values in the younger generation. Fortunately, green living satisfies all of these areas simultaneously, while offering other benefits at the same time.

Because of the amount of time we spend in our homes, creating a green sensitive house is a way to make a serious impact. The following tip can help you make your home more eco-friendly so you can start living green today.

CHOOSE CLOTH OVER PAPER



Whether repurposing old t-shirts as cleaning rags or investing in towels, cloth presents a more eco-friendly alternative to paper. A cloth rag can last for years, whereas used paper gets thrown out immediately. Use cloth towels for cleaning projects, cloth napkins for meals, and cloth diapers for children.



CARA-CARA MENGURANGKAN E-WASTE : 6 TIPS MUDAH

1

Memanjangkan Hayat Peralatan Elektronik Anda

- Elakkan mengecas bateri berlebihan. Ini dapat membantu meningkatkan jangka hayat bateri
- Patuhi jadual penyelenggaraan
- Gunakan perkakas elektrik sehingga mencapai akhir hayat produk

2

Menggunakan Semula atau Menilai Semula

- Fikir dua kali sebelum membeli peralatan elektronik baharu
- Pertimbangkan untuk menggunakan satu peranti elektronik yang mempunyai banyak fungsi

3

Jual atau Derma Peralatan Elektronik Anda

- Jual atau derma peralatan elektronik anda kepada orang yang memerlukan

4

Baiki Peralatan Elektronik yang Rosak

- Baiki peralatan elektronik anda di pusat servis yang berdaftar

5

Kitar Semula E-Waste Dengan Betul

- Layari Aplikasi MyEwaste di Google Play Store/ Appstore untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan pusat pengumpulan e-waste
- Lupuskan e-waste dengan menghantar e-waste ke pusat pengumpulan berdaftar yang berhampiran

6

Didik Diri Anda Mengenai E-Waste

- Ketahui bahan berbahaya (kadmium, plumbum, lithium dan sebagainya) di dalam e-waste yang boleh menjejaskan kesihatan manusia dan alam sekitar

“AYUH KUMPUL 800 TAN E-WASTE”

“E-WASTE DIKITAR BUMI TERPELIHARA”



Scheduled Wastes Management

A W L I I G Q R O T A R E N E G E T S A W X M
 L Y Q G E E S I M E R P D E B I R C S E R P F
 X Z I N T B A E E M L F B S B A P N P J K C H
 U E W I O S L T I X W A M L P I T O I P P O U
 E P V L N S D S N C P S L U D G E I N G J N S
 C W A L T W P A F O B L P M G X D T V O R T U
 O C O E N N N W L M S O O I G G X A E T B A O
 R I X B E V F L A B S C N S L U K C N B O I I
 R N I A M S Z A M U T I U G I L Z I T S V N T
 O E D L N R N C M S O X P S J V W F O I H E C
 S G I R G L E I A T R O Z X R R E I R U P R E
 I O Z A I L C N B I A T A I K H K T Y I O S F
 V H I W S Q J I L B G I C E B S K O X W U O N
 E T N X N G U L E L E E N T U E F N A X B Z I
 Q A G P O P D C O E L B I T A P M O C N I J V
 V P W D C W H M M F A X J A D O M F G O O S W

Find the following words in the puzzle.

Words are hidden     and .

CLINICAL WASTE
 COMBUSTIBLE
 CONSIGNMENT NOTE
 CONTAINERS
 CORROSIVE
 EXPLOSIVE
 INCOMPATIBLE

INFECTIOUS
 INFLAMMABLE
 INVENTORY
 LABELLING
 NOTIFICATION
 OXIDIZING
 PATHOGENIC

PRESCRIBED PREMISE
 SLUDGE
 SPILL
 STORAGE
 TOXIC
 WASTE GENERATOR



**Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Alam Sekitar dan Air
Aras 1-4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 PUTRAJAYA
Telefon : 003-88712000
Faks : 03-88889987
Hotline : 1-800-88-2727**

www.doe.gov.my